

21/08/2002

Malaysia mahu buka kedutaan di Ukraine

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia berhasrat membuka kedutaannya di Ukraine tahun depan, sebagai memenuhi permintaan kerajaan negara itu, di samping dapat meningkatkan hubungan dua hala antara kedua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata beliau akan mengarahkan Duta Malaysia ke Poland membuat tinjauan bagi melaporkan kepada Wisma Putra sebelum dapat diserahkan kepada Kabinet.

"Ukraine juga baru membuka kedutaan di Kuala Lumpur dan mereka meminta kita menimbang menubuhkan kedutaan di sana. Kita akan menimbang secara positif mengenai permintaan mereka," katanya selepas membuat kunjungan hormat kepada Naib Perdana Menteri Pertama Ukraine, Oleg Dubyna di Hotel Sheraton Imperial di sini, hari ini.

Dubyna, tiba di sini semalam bagi lawatan tiga hari, bagi meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi dua hala.

Semalam, Malaysia dan Ukraine memeterai perjanjian perdagangan dan bersetuju menubuhkan Suruhanjaya Bersama bagi memantapkan hubungan dua hala di samping memperluaskan kerjasama di antara kedua-dua negara.

Perdagangan di antara Malaysia dan Ukraine amat menggalakkan sejak beberapa tahun lalu dengan jumlah dagangan meningkat kepada AS\$72.7 juta (RM276.26 juta) tahun lalu daripada hanya AS\$57.3 juta (RM217.74 juta) pada 2000.

Syed Hamid berkata, terdahulu ketika Dubyna mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang angkasa lepas dan bioteknologi.

"Ukraine mempunyai kepakaran dalam dua bidang ini dan adalah diharapkan agar kita dapat hantar pelajar kita untuk mengikuti kursus dalam dua bidang itu," katanya.

Sementara itu, bercakap pada sidang akhbar sempena pembukaan kedutaan Ukraine di Tingkat 22, Menara Tan dan Tan di Jalan Tun Razak di sini, Dubyna berharap Malaysia akan membuka kedutaannya di Kiev, tahun depan.

Katanya, Ukraine membuka kedutaannya di sini dengan tekad untuk meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama dengan Malaysia.

Dubyna, melalui jurubahasa, berkata beliau berharap Dr Mahathir akan membuat lawatan rasmi ke Ukraine tahun depan.

"Lawatan saya kali ini adalah singkat, tetapi saya telah mengadakan beberapa pertemuan penting dengan Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar," katanya.